

21/05/2003

Saintis asing dilarang bolot sumber asli

DENGKIL: Saintis asing atau mana-mana pihak yang mahu menjalankan penyelidikan berkaitan kepelbagaian bio, sumber flora dan fauna di negara ini, akan dikehendaki menandatangani perjanjian bagi memastikan sumber asli itu tidak dibolot sepenuhnya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pihak berkenaan mesti membuat perjanjian atau pengakuan untuk berkongsi sumber itu dan tidak membawa semuanya keluar dari negara ini.

Perdana Menteri berkata, peraturan itu perlu bagi mengelak kejadian seperti bunga Terewinkle dari Madagascara yang dibawa keluar saintis dan digunakan bagi menghasilkan produk milik eksklusif negara saintis terbabit.

"Kita juga tahu mengenai beras Basmati yang dikeluarkan di negara lain dan mereka mahu menggunakan nama Basmati sehingga menghalang Pakistan dan India daripada menggunakan nama itu.

"Ini adalah cetak rompak hak orang lain," katanya pada sidang media selepas majlis pecah tanah Projek Bio Valley Malaysia di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas lanjut ucapannya sebelum itu berhubung perbuatan mengeluarkan sumber asli di negara tertentu untuk dimajukan dan didakwa sebagai produk serta hak milik negara lain.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia sedia berkongsi kekayaan kepelbagaian bio, flora dan fauna di negara ini, tetapi bukan sehingga merugikan negara daripada segi kepakaran sains dan pulangan hasil kewangan.

Perdana Menteri berkata, sebagai negara sumber, Malaysia mempunyai hak atas hasil yang diperolehi daripada penyelidikan yang dilakukan terhadap sumber flora dan fauna yang ditemui di negara ini.

"Kita sayangkan hutan kita dan kita tidak mahu orang datang ke sini menebang pokok atau membawa keluar sumber itu serta dimajukan hanya untuk kepentingan negara mereka.

"Kita sedia berkongsi tetapi perkongsian itu mesti adil dan sebagai negara sumber, kita mahu mendapat manfaat pencapaian saintifik dan pulangan kewangan," katanya.

Mengenai projek Bio Valley, Dr Mahathir berkata, sudah ada kerjasama membabitkan saintis asing dengan rakyat tempatan, terutama dari China, dalam menghasilkan produk dari batang pokok sawit.

Beliau yakin lebih ramai saintis tempatan atau luar negara akan mengadakan kerjasama di kawasan itu pada masa depan.

Projek Bio Valley bertujuan memacu negara dalam sektor baru, seperti bioteknologi yang dikenal pasti mampu menyumbang kepada pertumbuhan negara dan meletakkan Malaysia di kalangan peneraju bidang itu.

Pembangunannya juga dapat memanfaatkan kepelbagaian bio, flora dan fauna di negara ini sebagai sumber dalam menghasilkan produk perubatan dan makanan.

Bio Valley yang dibina di kawasan seluas 200 hektar di selatan Cyberjaya, akan menjadi hub kepada pelabur, ahli sains tempatan dan luar negara untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bidang bioteknologi, penyelidikan ubat-ubatan, selain menghasilkan produk untuk dikomersialkan di seluruh dunia.

Kerajaan membelanjakan RM100 juta bagi menyediakan prasarana projek itu yang akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama membabitkan kawasan seluas 80 hektar.

Ketika ditanya sama ada Malaysia mempunyai saintis yang cukup, Dr Mahathir berkata, walaupun dengan kemasukan saintis luar, jumlahnya tidak akan mencukupi.

"Ini kerana jumlah penyelidikan yang perlu dijalankan adalah tidak terhad," katanya.

Perdana Menteri juga berharap projek Bio Valley itu yang sebelum ini tergendala berikutan kegagalan pemaju yang tidak mampu melaksanakan projek terbabit, tidak akan berulang.

Katanya, perjalanan lancar pembangunan projek itu penting kerana banyak negara sudah ke depan berbanding Malaysia dalam bidang itu.

"Jika ia gagal, saya akan mencari mereka (yang terbabit memajukan projek Bio Valley) dan ini pasti akan menyebabkan saya marah," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Mahathir berharap dapat diwujudkan pusat tindakan khas bagi menangani penularan dan mencari penawar kepada penyakit baru yang semakin banyak hari ini.

"Dengan pusat ini, apabila ada penyakit baru, siasatan segera dapat dimulakan oleh saintis terbabit dan dengan kemudahan yang ada, mereka dapat mengesan, memahami, menghalang dan dapat mencari vaksin, antibiotik serta cara merawat penyakit baru," katanya yang memberi contoh wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) sebagai contoh penyakit baru.

"Kita tidak dapat menjangka penyakit baru yang akan mungkin muncul. Tetapi reaksi dunia terhadap ancaman ini adalah merbahaya tanpa koordinasi serta kemudahan (pusat tindakan khas) seperti itu," katanya.